Sarawak Research and Development Council (SRDC)

Tuan Speaker, this year, Sarawak Research and Development Council (SRDC) has allocated a total of RM6.7 million to further strengthen the research and development ecosystem in Sarawak. Of this, RM5.9 million, has been allocated to advancing research in strategic areas, particularly renewable energy, focusing on hydrogen, solar, and wave technologies. These efforts are in line with Sarawak’s development priorities and our commitment to sustainable innovation.

The remaining RM800,000 has been assigned to support two key initiatives aimed at nurturing young talent and school children, namely the BrightSparX Programme, and the Premier’s BrightSparX Innovation Award Programme.

These programmes are designed to inspire the next generation of Sarawakian innovators. On the matter of Intellectual Property, I am pleased to report that, to date, projects funded by SRDC have successfully filed ten intellectual properties.

Sarawak Infectious Disease Centre (SIDC)

Tuan Speaker, I would like to update this august House that the construction of Sarawak Infectious Disease Centre (SIDC) facility in Samarahan that began in March 2024 is progressing a schedule. On 6th May 2025, SIDC signed Memorandum of Understandings (MoUs) with the University of Edinburgh: focusing on diagnostics and One Health with the United Kingdom Government support, the ROSE Foundation based in University of Malaya; piloting Human Papillomavirus (HPV) self-sampling in rural Sarawak, and UNIMAS for joint infectious disease research, and international partners for potential vaccine development.

SIDC also launched the Ali Wallace Joint Research and Training Centre with Murdoch University. 10 SIDC staff will be trained in Australia, and four Murdoch researchers are currently in Sarawak, with two PhD slots allocated to SIDC. Murdoch is also supporting the Centre’s AI-enabled ICT design.

Locally, SIDC has begun a disease surveillance programme in Ulu Undop, with two more sites in Kuching planned this year. It is also piloting latent tuberculosis diagnosis in high-risk areas in preparation for the Sarawak Tuberculosis Elimination Programme (STEP).

In partnership with the Department of Veterinary Services, SIDC is using portable genome sequencing to monitor African Swine Fever Virus and strengthen biosecurity in the pork industry.

Sarawak Science Centre

The Sarawak Science Centre's construction progress is currently at 65%, and completion is anticipated by late December 2025. We are on schedule for soft opening in the first quarter of 2026.

Under Sarawak Science Centre, we are setting up a satellite hub at the Sarawak Biovalley Pilot Plant in Miri, that comes together with Common Science Lab. This is the first Common Science Lab in Sarawak, and it will be utilised by students around Miri to carry out science experiments that cannot be done at school.

Sarawak Microelectronics Design (SMD)

Tuan Speaker, to strengthen Sarawak's presence in the global semiconductor landscape, Sarawak Microelectronics Design (SMD) has recently established an R&D Innovation Hub in Newport Wales, United Kingdom, in collaboration with CSA Catapult, UK. This strategic move gives us direct access to world-class research facilities, top-tier talent, and key industry partners.

A major highlight this year is the development of keteq.ai, an Edge AI-power converter we soft-launched in Newport Wales, United Kingdom witnessed by the Right Honourable Premier of Sarawak. This keteq.ai prototype is a breakthrough for smart grids, EVs, and industrial systems, using AI for real-time power management and energy efficiency.

Sarawak aims for 500 skilled semiconductor engineers by 2030. SMD is running various upskilling and reskilling programmes to achieve this. One key programme is the Semiconductor Mastery Programme, partnered with Melexis and CENTEXS. To date, 28 trainees have completed their six-month training and were hired by SMD, Melexis, and X-FAB.

Sarawak Artificial Intelligence Centre (SAIC)

The Sarawak Artificial Intelligence Centre (SAIC) is central to our vision of securing Sarawak's AI sovereignty. This will be realised through the establishment of a trusted AI infrastructure, development of local AI and domain talent, protection of Sarawak's data ownership, and the deployment of AI solutions that enhance governance, public service delivery, and AI security.

In 2025 SAIC is leading the development of the Sarawak AI Roadmap, a strategic blueprint to guide our efforts in building an inclusive and future-ready AI ecosystem. As part of this initiative, SAIC is co-developing Sarawak's AI strategy and policy framework with government policymakers, ensuring alignment with Sarawak's digital agenda.

At the same time, SAIC will work with stakeholders and industry partners to design a comprehensive strategy for AI talent development. This will include training, up-skilling in capacity-building efforts aimed at empowering Sarawakians with the skills needed to thrive in an AI-driven economy.

In addition, SAIC will embark on research and development in artificial intelligence, in partnership with research institutions and institutions of higher learning. These efforts will place Sarawak at the forefront of technological innovation and knowledge creation. One of the key focus areas under the AI Roadmap is the development of DeepSAR, a specialised AI platform co-developed with stakeholders from the biodiversity sector and other relevant industries. DeepSAR will support advanced research and data-driven solutions that draw on Sarawak's rich natural heritage and sectoral expertise.

TALENT DEVELOPMENT

Sarawak was appointed as a member of the *Majlis Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional Negara* (MTVET), led by the Deputy Prime Minister, in April 2025. This appointment

reflects the importance of addressing human capital needs to meet Sarawak's workforce demand and align with national policy. This demonstrates the government's commitment to enhancing the coordination of the TVET ecosystem in Sarawak, with strong support from relevant ministries, agencies, academia, and industry players.

On another note, Sarawak has been appointed as a member of the Majlis Pertandingan Kemahiran Malaysia (MPKM) chaired by the Deputy Minister of Human Resources (MOHR). The MPKM oversees national and international skills competitions, policies, standards, promotion and participation.

Sarawak's involvement in MPKM is expected to enhance technical skills training, provide greater exposure to national and global competitions, and strengthen vocational collaboration and networking opportunities. On the Industry Continuous Professional Development (iCPD) programme, this is the second year my ministry is implementing the programme that aims to enhance the competitiveness and employability of our local workforce, addressing evolving skill requirements.

This year, iCPD prioritises on Occupational Safety and Health (OSH) Coordinator training. This focus aligns with the Occupational Safety and Health (Amendment) Act 2022, specifically Section 29A, which mandates the appointment of an OSH Coordinator at any workplace with a minimum of five employees. The role is crucial in ensuring compliance with OSH regulations and maintaining a safe working environment.

Talent Policy

In response to the Honourable Member for Ba'Kelalan, the State Government is fully aware of the issue raised. My ministry has been authorised to conduct a study on the Sarawak Talent Policy. Aligned with the PCDS 2030, the government is committed to creating a holistic and supportive ecosystem that will generate a skilled workforce capable of meeting the industry demands in Sarawak.

Last September, the government approved the Sarawak Talent Policy Study, which is now being carried out by my ministry in collaboration with an appointed consultant. This study aims to develop a comprehensive talent development program.

BIMP-EAGA

My ministry, in collaboration with the Ministry of Tourism, Culture and Arts; and the Ministry of Youth, Sports and Entrepreneur Development, plays a crucial role within the Social, Culture and Education (SCE) Cluster under BIMP EAGA. A notable achievement under this initiative was the 4th BIMP-EAGA TVET Conference 2024, held last December. Co-organised with Sarawak Skills and BIMP EAGA, the conference was a success, attracting participants from diverse countries including Indonesia, the Philippines, Brunei, the United Kingdom, China, Australia and Timor-Leste.

The conference, themed "*Building a Sustainable Future Through TVET*", highlighted strong international collaboration with 21 speakers from various nations. The event solidified Sarawak's position as a regional TVET hub, through the exchange of MoU and Letters of Intent with institutions from Indonesia, the Philippines, and China, complemented by 32 exhibitors and institutional visits.

Just to add, my ministry in strategic collaboration with *Tabung Ekonomi Gagasan Anak Sarawak* (TEGAS), will host the 11th Sarawak Career and Training Fair (S-CaT Fair) at Borneo Convention Centre Kuching (BCKK) on 5th and 6th July 2025. Everyone is welcome whether within or outside this House. This event connects aspiring talents with education and industry pathways, featuring over 50 institutions and open interview sessions by *Pertubuhan Keselamatan Sosial* (PERKESO) for immediate job matching.

SARAWAK SKILL

As of 2024, Sarawak Skills enrolled 2,804 students, and trained 1,935 working adults from 294 companies, through 26 specialised programmes. This has established Sarawak Skills as a vocational and technical education centre, with 93% of graduates finding employment within six months due to its industry-aligned curriculum. Many graduates also earn high starting salaries. In 2025, Sarawak Skills have developed four initiatives expected to benefit more than 3,000 Sarawakians yearly, both to train new and existing workforce. The four initiatives are:

- (a) Automotive Programmes covering Hybrid, Electric and Hydrogen Vehicles Training Programmes;
- (b) Renewable (Solar and Floating Solar) and Smart Building Training Programmes;
- (c) Food Security – Paddy Production Programme and Hydrogen Agriculture training programmes; and
- (d) Smart Manufacturing Training Programmes.

CENTEXS

To answer the issues raised by the Honourable Member for Tullian and Balingian, CENTEXS is developing a technology hub at Mukah, focusing on Electric Vehicles (EV), robotics, AI, and green energy. As of now, CENTEXS Mukah has trained 850 individuals in the Oil and Gas sector. Currently, CENTEXS and Amazon Web Services (AWS) launched AI Initiatives in 2025. These initiatives include Executive AI briefings for C-Suite leaders, AWS Certified Practitioner training for Civil Servants, and advanced certification in Machine Learning Engineering and Data Engineering for university graduates.

CENTEXS is actively integrating AI across key sectors like energy, agriculture, digital, and manufacturing. To provide real-world experience, CENTEXS has partnered with industry leaders such as Siemens Energy, AWS, Solarvest, and Huawei, who will mentor graduates on live projects through the CENTEXS Innovation and Invention Centre. Additionally, CENTEXS Lawas has partnered with the Department of Veterinary Services Sarawak (DVSS), Maragang Green Valley, and University Putra Malaysia (UPM) to address the need for a skilled workforce in the livestock farming industry, focusing on ruminant management training, R&D, and employability.

On the matter raised by the Honourable Member for Tanjong Datu regarding the CENTEXS Lundu, we take note of the suggestion, and we will let the matter be decided in a meeting between CENTEXS and i-CATS. For the information of this august House, i-CATS University College (i-CATS UC) Faculty of Aerospace Engineering will be offering the first Bachelor Degree Programme in Aerospace Engineering in August 2025.

Recently at the Langkawi International Maritime and Aerospace (LIMA'25) Exhibition, i-CATS UC has signed three MoUs with:

- (a) National Aerospace Industry Corporation Malaysia (NAICO) – to strengthen Sarawak's aerospace ecosystem through talent development and capacity building;
- (b) WESTARS Aviation Services – to support Sarawak's ambition to become a regional hub for aerospace talent, innovation, and technical excellence; and
- (c) Dviation – Dviation not Dev, to provide students with internationally aligned certifications and technical proficiencies relevant to current aerospace industry needs.

While for the Honourable Member for Repok, for now, there is no plan to develop any TVET institution in Sarikei.

GREATER KUCHING COORDINATED DEVELOPMENT AGENCY (GKCDA)

I would like to touch on the Greater Kuching Coordinated Development Agency, or GKCDA, a key responsibility entrusted to me. The agency's primary aim is to improve the lives of people within its jurisdiction through well-planned and targeted development initiatives. What makes GKCDA unique is its bottom-up approach, which actively involves local leaders, community representatives, and NGOs in identifying and planning development projects.

GKCDA oversees development in the Greater Kuching area, covering Kuching and Serian divisions, comprising the district of Lundu, Bau, Siburan, Serian, and Tebedu. Altogether, there are 10 state constituencies under GKCDA's care.

The agency's focus on five key areas: infrastructure development; utility and telecommunication services; agriculture; economic and tourism growth; and social development. To date, GKCDA manages a total of 391 projects. The majority, 60% are infrastructure-related, followed by utilities and telecommunications at 16%, social development at 13%, agriculture at 6%, and economic and tourism initiatives at 5%. These figures reflect GKCDA's strong commitment to fostering a balanced and inclusive development across the Greater Kuching region.

Tuan Speaker, I take this opportunity to thank State Secretary, State Attorney General, State Financial Secretary, State Federal Secretary, all Ministries, Departments and Agencies, both State and Federal, that have rendered their assistance to my Ministry to get things done.

I would also like to thank your good self, Sir and the Speaker himself for having conducted the sitting of this august House seamlessly and keeping the running of proceedings with decorum and dignity. Not forgetting my deepest appreciation to all officers and staff of my ministry, who have worked tirelessly to ensure that work runs smoothly. To all the Honourable Members in this august House and the people of Sarawak, I wish you a heartfelt *Selamat Hari Ibu, ibu tengok ah. Hari Guru, dia juga. Hari Wesak... (Laughter)...* Nurses Day, so many days and more recently Biodiversity Day on 22nd of May... *(Laughter)...* May these special occasions bring meaningful reflection and joy as we celebrate mothers, educators, the spirit of Wesak, our dedicated nurses, and the incredible biodiversity of our planet.

As Gawai is approaching, I wish all Dayak, *Selamat Ari Gawai, Gayu Guru Gerai Nyamai, Lantang Senang, Nguan Menua*. In Bidayuh, *Sramat Gawai ka so purug. Mite Tapa da nyiberkat kerja ta ka da pinyidapud ta bitambah yun seba adi re nug. Tara tara tara... Indi' Awang Indi' Asung.*

To all our Muslim Honourable Members and everyone, we extend our warmest wishes as you embark on the sacred journey of the Hajj. May this blessed pilgrimage bring you peace, spiritual growth and fulfilment. As you celebrate Aidiladha, may this special occasion be filled with love, joy and blessings for you and your loved ones.

To the Governor Tun Pehin Sri and your family, my ministry wishes you a safe and smooth journey during the Hajj pilgrimage. *Selamat menunaikan Ibadah Haji*. May your sacrifices and prayers be accepted and may you continue to be surrounded by God's grace and mercy. And on those note Tuan Speaker, I fully support the Motion on the Address of the Governor.

Timbalan Speaker: Thank you, Yang Berhormat Menteri, Menteri Pendidikan, Inovasi dan Pembangunan Bakat di atas ucapan penggulungan tadi. Next, I would like to respectfully invite Yang Berhormat Dato Sri Haji Julaihi bin Haji Narawi, Menteri Utiliti dan Telekomunikasi untuk menyampaikan ucapan penggulungan. Silakan Yang Berhormat.

Menteri Utiliti dan Telekomunikasi; dan Ahli Dewan Undangan Negeri N. 27 Sebuyau (YB Dato Sri Haji Julaihi bin Haji Narawi): Terima kasih, Tuan Speaker, kerana memberi ruang dan peluang serta keizinan kepada saya untuk menyampaikan ucapan penggulungan bagi Kementerian Utiliti

dan Telekomunikasi Sarawak pada Mesyuarat Pertama bagi Penggal Keempat Dewan Undangan Negeri Sarawak Kesembilan Belas pada hari ini.

Izinkan saya memulakan ucapan dengan menjunjung kasih dan menzahirkan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada Tun Pehin Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak kerana telah merasmikan Persidangan Dewan Undangan Negeri dengan jayanya. Ucapan yang banyak memberi panduan dan idea untuk membolehkan kita melaksanakan tugas di pihak kerajaan.

Tuan Speaker, saya juga ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Premier Sarawak kerana telah dipilih sebagai Presiden PERKIM baru-baru ini. Dan saya percaya kepimpinan Yang Amat Berhormat Premier yang berwawasan dan komitmen yang tidak berbelah bahagi dalam menerajui pembangunan Sarawak telah menjadi contoh dan diberi kepercayaan untuk memimpin satu pertubuhan yang besar di Malaysia. Kita juga mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada usaha yang tidak jemu-jemu yang telah diusahakan oleh Yang Berhormat Premier Sarawak dalam memperkasakan sektor utiliti dan telekomunikasi kerana ianya sesungguhnya merupakan iltizam berterusan kerajaan GPS Sarawak dalam mencapai status wilayah maju dan berpendapatan tinggi menjelang tahun 2030.

Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua rakan-rakan Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian secara aktif dalam perbahasan sepanjang mesyuarat ini, khususnya menyentuh tentang perkara-perkara yang berkaitan di bawah tanggungjawab Kementerian Utiliti dan Telekomunikasi. Insya-Allah kami di Kementerian Utiliti dan Telekomunikasi dan semua agensi-agensi yang berkaitan di bawah seliaan kementerian saya akan mengambil tindakan dan perhatian terhadap segala cadangan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Speaker, ucapan penggulungan saya akan menggariskan kepada empat perkara yang dipertanggungjawabkan kepada Kementerian Utiliti dan Telekomunikasi. Pertama ialah mengenai:

- (a) Bekalan Air;
- (b) Kedua, Bekalan Elektrik;
- (c) Ketiga, Pengedaran Gas; dan;
- (d) Keempat, Mengenai Kemudahan Telekomunikasi di Sarawak

BEKALAN AIR

Pertama, saya ingin menyentuh mengenai bekalan air. Sekarang saya menyentuh perkembangan terkini berkenaan pembangunan bekalan air di Sarawak. Dan untuk bekalan air, yang ingin saya tekankan di sini ialah mengenai Pelan Induk Bekalan Air dan Grid Air Sarawak yang sedang kita laksanakan pada masa kini.

Pelan Induk Bekalan Air dan Grid Air Sarawak

Pembangunan bekalan air di Sarawak adalah berdasarkan kepada Pelan Induk Bekalan Air dan Grid Air Sarawak. Pelan Induk ini telah menggariskan perancangan yang holistik bagi meluaskan liputan serta keterjaminan bekalan air di Sarawak untuk jangka masa panjang.

Pelaksanaan pelan ini telah menunjukkan impak yang positif. Liputan bekalan air luar bandar telah meningkat daripada 61.9% pada tahun 2018 kepada 70.5% sehingga kini di kawasan luar bandar. Di kawasan bandar pula, kadar liputan adalah jauh lebih baik mencapai lebih 99%, menjadikan liputan, kalau kita ambil kira kedua-dua liputan bagi kawasan luar bandar dan di kawasan bandar sehingga kini mencecah kepada tahap 85.4%. A lot more to be done, Tuan Speaker especially in the rural areas. We will continue and continue to implement our Pelan Induk Bekalan Air dan Grid Air di Sarawak continuously and aggressively right now.

Kementerian saya kini sedang giat membangunkan sistem bekalan air merentasi seluruh Sarawak yang menghubungkan Wilayah Selatan, Wilayah Tengah hingga ke Wilayah Utara. Mungkin perlu juga saya kongsi di sini bahawa kita sekarang mempunyai kapasiti pengeluaran daripada loji rawatan air di seluruh Sarawak sebanyak 2,482 juta liter air sehari. Ini kapasiti untuk semua loji rawatan air di Sarawak, Tuan Speaker. Saya ulangkan 2,482 juta liter air sehari dan kesemua loji ini berkeupayaan menghasilkan air terawat sebanyak 2,050 juta air sehari. Dan Insya-Allah, ianya akan kita tambah berdasarkan Pelan Induk Air yang kita sedang laksanakan pada hari ini.

Sistem Grid Bekalan Air di Wilayah Selatan

Sistem Grid Bekalan Air di Wilayah Selatan meliputi Bahagian Kuching, Bahagian Samarahan, Bahagian Serian, Bahagian Sri Aman dan Bahagian Betong melibatkan pembinaan dan naik taraf sebanyak sembilan buah loji rawatan air utama dan pemasangan saluran paip grid air dengan anggaran 1,081 km.

Sukacita dimaklumkan di Dewan yang mulia ini, tiga buah loji rawatan air utama telah siap dinaik taraf seperti berikut:

- (a) Loji Rawatan Air Batu Kitang, Kuching (*Plant 2, Modul 3 and 4*) yang telah kita naik taraf daripada kapasiti 764 juta liter air sehari (JLH) kepada 868 juta liter air sehari (JLH);
- (b) Loji Rawatan Air Slabi di Serian yang telah kita naik taraf daripada 60 juta liter air sehari (JLH) kepada 110 juta liter air sehari (JLH); dan
- (c) Loji Rawatan Air Bayai di Sri Aman yang telah kita naik taraf daripada 33 juta liter air sehari (JLH) kepada 53 juta liter air sehari (JLH).

Manakala Tuan Speaker, enam buah lagi loji rawatan air di Wilayah Selatan masih dalam pelbagai peringkat pelaksanaan seperti berikut:

- (a) Naik taraf Loji Rawatan Air Batu Kitang Plant 4 (Modul 7) yang kini sedang dilaksanakan kerja-kerja menaik taraf kapasitinya daripada 868 juta liter air sehari (JLH) kepada 968 juta liter air sehari (JLH);
- (b) Naik taraf Loji Rawatan Air Lubau daripada 30 juta liter air sehari (JLH) kepada 60 juta liter air sehari (JLH) sedang giat dilaksanakan sekarang;
- (c) Naik taraf Loji Rawatan Air Kaki Wong daripada 30 juta liter air sehari (JLH) kepada 60 juta liter air sehari (JLH). Ini di bahagian Betong ya;
- (d) Loji Rawatan Air Baharu Lundu berkapasiti 20 juta liter air sehari (JLH) di Bahagian Kuching;
- (e) Loji Rawatan Air Baharu di Landeh yang akan mempunyai kapasiti 200 juta liter air sehari (JLH); dan seterusnya
- (f) Loji Rawatan Air Baharu di Engkilili yang mempunyai kapasiti 75 juta liter air sehari (JLH) dan kerja-kerja di tapak sudah pun bermula.

Tuan Speaker, bagi saluran grid bekalan air pula, sebanyak 311 kilometer paip telah siap manakala tambahan sebanyak 770 kilometer sedang dan akan dilaksanakan untuk menghubungkan seluruh Wilayah Selatan dan seterusnya menghala menuju ke Wilayah Tengah.

Sistem Grid Bekalan Air di Wilayah Tengah

Sistem grid bekalan air di Wilayah Tengah pula meliputi Bahagian Sarikei, Sibul, Mukah dan Bahagian Kapit yang melibatkan pembinaan dan kerja-kerja naik taraf sebanyak 11 buah loji rawatan air utama dan pemasangan saluran paip grid air dengan anggaran 1,143 kilometer. Setakat ini, tiga buah loji rawatan air utama di Wilayah Tengah telah siap dibina seperti berikut:

- (a) Loji Rawatan Air Tanjung Manis, Mukah yang mempunyai kapasiti 30 juta liter air sehari (JLH) dan ianya sebenarnya telah pun dirasmikan pembukaannya oleh Yang Amat Berhormat Premier Sarawak;

- (b) Naik taraf Loji Rawatan Air Bayong, Sarikei daripada 70 juta liter air sehari (JLH) kepada 100 juta liter air sehari (JLH) yang juga telah dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Premier Sarawak baru-baru ini; dan
- (c) Naik taraf Loji Rawatan Air Bason di Mukah daripada 15 juta liter air sehari (JLH) kepada 60 juta liter air sehari (JLH).

Tuan Speaker, manakala, lapan buah lagi loji rawatan air sedang dan akan dilaksanakan kini dalam pelbagai peringkat pelaksanaan seperti berikut:

- (a) Naik taraf Loji Rawatan Air Salim di Sibu daripada 150 juta liter air sehari (JLH) kepada 300 juta liter air sehari (JLH) dan kerja-kerja di tapak sedang rancak dijalankan dan boleh saya kongsi di sini bahawa kerja-kerja di tapak menaik taraf Loji Rawatan Air Salim, Sibu adalah mendahului jadual;
- (b) Naik taraf Loji Rawatan Air Julau daripada 1.6 juta liter air sehari (JLH) kepada 5 juta liter air sehari (JLH) juga sedang giat dilaksanakan di tapak lapangan dan ini telah pun saya saksikan bersama-sama semasa meninjau kerja-kerja di tapak lapangan baru-baru ini;
- (c) Naik taraf Loji Rawatan Air Basong, Mukah daripada 60 juta liter air sehari (JLH) kepada 120 juta liter air sehari (JLH) dan seterusnya;
- (d) Naik taraf Loji Rawatan Air Kapit daripada 28.5 juta liter air sehari (JLH) kepada 60.5 juta liter air sehari (JLH);
- (e) Naik taraf Loji Rawatan Air Belaga daripada 5 juta liter air sehari (JLH) kepada 15 juta liter air sehari (JLH);
- (f) Loji Rawatan Air Baharu Julau yang akan mempunyai kapasiti 30 juta liter air sehari (JLH);
- (g) Loji Rawatan Air Baharu Kanowit yang akan mempunyai kapasiti 25 juta liter air sehari (JLH); dan seterusnya
- (h) Loji Rawatan Air Baharu Song yang akan mempunyai kapasiti 20 juta liter air sehari (JLH).

Bagi saluran grid bekalan air pula, sepanjang 125 kilometer telah siap dibina di Wilayah Tengah dan tambahan sebanyak 1,018 kilometer sedang dan akan dilaksanakan untuk menghubungkan Wilayah Tengah yang akan disambungkan menghala menuju ke Wilayah Utara. Bagi Bahagian Limbang dan Lawas pula, ianya akan dimasukkan selepas jalan Sabah-Sarawak Link Road (SSLR) siap kelak.

Sistem Grid Bekalan Air di Wilayah Utara

Sistem grid bekalan air di Wilayah Utara meliputi Bahagian Bintulu, Bahagian Miri dan Bahagian Limbang yang melibatkan pembinaan dan naik taraf sebanyak 12 buah loji rawatan air utama dan pemasangan saluran paip grid air dengan anggaran sejauh 569 km.

Sukacita dimaklumkan juga, Tuan Speaker, di Dewan yang mulia ini, tiga buah loji rawatan air utama telah siap dinaik taraf seperti berikut:

- (a) Loji Rawatan Air Nyabau, Bintulu daripada 254 JLH kepada 354 JLH;
- (b) Loji Rawatan Air Berawan, Limbang yang telah dinaik taraf daripada 20 JLH kepada 40 JLH; dan
- (c) Loji Rawatan Air Trusan, Lawas yang telah dinaik taraf dan siap daripada 20 JLH kepada 40 JLH.

Manakala, sembilan lagi loji rawatan air di Wilayah Utara dijangka akan dilaksanakan pada suku keempat tahun 2025 seperti berikut:

- (a) Naik taraf Loji Rawatan Air Nyabau daripada 354 JLH kepada 554 JLH;
- (b) Naik taraf Loji Rawatan Air Samalaju daripada 80 JLH kepada 160 JLH;
- (c) Naik taraf Loji Rawatan Air Suai daripada 30 JLH kepada 45 JLH;
- (d) Naik taraf Loji Rawatan Air Long Lama daripada 2 JLH kepada 10 JLH;
- (e) Naik taraf Loji Rawatan Air Trusan daripada 40 JLH kepada 90 JLH;

- (f) Loji Rawatan Air Baharu di Beluru yang akan mempunyai kapasiti 75 JLH;
- (g) Loji Rawatan Air Baharu Lawas yang akan mempunyai kapasiti 20 JLH;
- (h) Loji Rawatan Air Baharu Sangan yang akan mempunyai kapasiti 20 JLH; dan
- (i) Loji Rawatan Air Baharu Samalaju yang akan mempunyai kapasiti 120 JLH.

Bagi saluran grid bekalan air pula, sebanyak 23 km saluran paip grid telah siap manakala tambahan 546 km sedang dan akan dilaksanakan di Wilayah Utara. Keseluruhan sistem grid bekalan air termasuk loji rawatan air akan dilaksanakan secara berperingkat sehingga tahun 2030. Dengan siapnya keseluruhan sistem grid ini kelak, Tuan Speaker, liputan bekalan air di Sarawak akan menjadi lebih menyeluruh serta berdaya tahan bagi menjamin kelestarian bekalan air untuk jangka masa panjang.

Inisiatif Pendekatan Acute Water Treatment Plant

Sekarang, Tuan Speaker, saya ingin menyentuh tentang Inisiatif Pendekatan *Acute Water Treatment Plant*. Tuan Speaker, sementara menunggu pembinaan loji rawatan air utama untuk disiapkan seperti yang dirancang berdasarkan Pelan Induk Air, Jabatan Bekalan Air Luar Bandar Sarawak (JBALB) telah melaksanakan Inisiatif *Acute Water Treatment Plant* bagi menangani masalah kekurangan bekalan air di kawasan kritikal sebagai penyelesaian jangka pendek ataupun penyelesaian segera. Setakat ini, 13 buah *Acute Water Treatment Plant* telah beroperasi manakala sembilan buah lagi sedang dan akan dilaksanakan pada tahun ini.

Program Menaik Taraf dan Penggantian Paip Lama/ Uzur

Tuan Speaker, sekarang saya ingin menyentuh tentang Program Menaik Taraf dan Penggantian Paip Lama dan Paip Uzur di seluruh Sarawak. Kerajaan Sarawak adalah Kerajaan yang prihatin. Kerajaan Sarawak telah mula melaksanakan program menaik taraf dan mengganti saluran paip air lama yang uzur sepanjang 2,740 km yang melibatkan peruntukan yang telah diluluskan oleh Kerajaan Sarawak sebanyak RM1.1 bilion dan ianya akan dapat mengatasi masalah *Non-Revenue Water* (NRW) di masa yang akan datang. Dan ianya dijangka akan kita laksanakan untuk jangka masa lima tahun secara berfasa.

Setakat ini, Tuan Speaker, bagi projek yang telah diluluskan untuk tahun 2024 dan tahun 2025, ada satu projek yang telah siap, 43 projek dalam pelbagai peringkat pembinaan dan 97 projek dijangka akan bermula secara berperingkat pada tahun ini. Keseluruhan program ini seperti yang saya katakan tadi akan kita dilaksanakan secara berfasa untuk jangka masa lima tahun.

Penubuhan One Entity for Sarawak Water Supply

Untuk makluman ahli Dewan yang mulia ini, proses penggabungan ketiga-tiga entiti bekalan air di Sarawak kini berada di peringkat akhir. Pelancaran akan dilakukan oleh Yang Amat Berhormat Premier Sarawak dalam masa yang terdekat dan penggabungan ini melibatkan entiti Lembaga Air Kuching, Lembaga Air Sibu dan Laku Management Sdn. Bhd.

BEKALAN ELEKTRIK

Seterusnya Tuan Speaker, saya ingin menyentuh tentang bekalan elektrik.

Penjanaan dan Permintaan Bekalan Elektrik di Sarawak

Untuk makluman ahli Dewan yang mulia ini, kapasiti penjanaan elektrik di Sarawak pada masa ini adalah sebanyak 5,898 Megawatt, ya 5,898 Megawatt. Manakala, permintaan terkini ialah sebanyak 4,887 Megawatt. Ini bermakna kalau kita bandingkan kedua-dua angka tersebut yang melibatkan penjanaan dan permintaan, Sarawak mempunyai kapasiti yang mencukupi untuk keperluan pelanggan ataupun isi rumah domestik di seluruh Sarawak termasuk bekalan elektrik di kawasan luar bandar. So, I would like to clarify here that we have more than sufficient to supply

electricity to the rural areas. It's a matter of implementation. So do not worry. We are now aggressively implementing electricity connection especially in the rural areas and we have sufficient capacity to cater for the demand in the rural areas. It's a matter of implementation.

Tuan Speaker, sasaran kapasiti bekalan elektrik bagi tahun 2030 ialah sebanyak 10,000 Megawatt bersamaan dengan 10 Gigawatt berbanding dengan jangkaan permintaan berjumlah 7,074 Megawatt. Menjelang tahun 2035, Sarawak menyasarkan kapasiti penjanaan sebanyak 15,000 Megawatt melalui pelbagai sumber termasuk tenaga boleh diperbaharui ataupun "*renewable energy*" seperti solar, *cascading power sources* dan *pumped hydro energy storage*. Jadi inilah anggaran yang kita sasarkan menjelang tahun 2030 berdasarkan *plan* yang ada pada hari ini.

Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB)

Seterusnya, saya ingin menyentuh tentang Bekalan Elektrik Luar Bandar. Kerajaan Sarawak telah menyediakan peruntukan sebanyak RM2.38 bilion di bawah *Alternative Funding* untuk meningkatkan liputan bekalan elektrik di luar bandar. Ini melibatkan 209 projek di mana 164 bersamaan dengan 78.5% telah dapat kita siapkan. Manakala peruntukan sebanyak RM134.5 juta di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) yang melibatkan lima projek sedang dalam pelaksanaan di pelbagai peringkat.

Additional and Late Applicant Fund (ALAF)

Seterusnya saya ingin menyentuh tentang *Additional and Late Applicant Fund* (ALAF). Kerajaan Sarawak telah menyediakan peruntukan sebanyak RM315 juta untuk melaksanakan projek ALAF dari fasa 1 hingga fasa 4 yang melibatkan 21,073 isi rumah dalam tempoh Rancangan Malaysia Kedua Belas di seluruh Sarawak. Sebanyak 19,382 isi rumah bersamaan dengan 92% telah siap dilaksanakan manakala bakinya sedang berada pada pelbagai peringkat pelaksanaan.

Kerajaan Sarawak juga telah meluluskan peruntukan sebanyak RM550 juta bagi meneruskan pelaksanaan projek ALAF untuk fasa seterusnya di bawah Rancangan Malaysia Ketiga Belas yang dijangka memberi manfaat kepada permohonan, kepada pemohon baharu yang kini dianggarkan 30,600 isi rumah. So, we still have to cater for the application from 30,600 household statewide. Jumlah ini besar, Tuan Speaker, so but anyway we are continuing implementing ALAF aggressively as I have mention just now.

Penambahbaikan Kualiti Sistem Bekalan Elektrik

Seterusnya, saya ingin menyentuh tentang penambahbaikan Kualiti Sistem Bekalan Air.

Timbalan Speaker: Elektrik... Bekalan Elektrik...

Menteri Utiliti dan Telekomunikasi; dan Ahli Dewan Undangan Negeri N. 27 Sebuyau (YB Dato Sri Haji Julaihi bin Haji Narawi: Ya, seterusnya saya ingin menyentuh tentang penambahan, penambahbaikan Kualiti Sistem Bekalan Elektrik. Sebab nak minum air tadi, itu teringat dengan air.

Bagi memastikan kualiti bekalan elektrik yang *reliable* terutama di kawasan luar bandar, kementerian saya melalui *Sarawak Energy* sedang giat menambah baik prestasi sistem bekalan elektrik secara berperingkat melalui usaha penambahbaikan seperti berikut:

- (a) Pembinaan talian pengagihan menggunakan teknologi talian berpenebat *Medium Voltage Covered Conductor* (MVCC);
- (b) Pembinaan talian atas *Double Circuit Monopole*;
- (c) Menaik taraf alat ubah ataupun transformer, orang lebih *tauk transformer* daripada alat ubah. I think perkataan *transformer is more, more popular and more understood by the public*; dan
- (d) Pembinaan pencawang 33 KV baharu.

Setakat ini, sepanjang 244 km projek talian pengagihan MVCC utama telah siap dilaksanakan di seluruh Sarawak. Manakala, sebanyak 233 alat ubah ataupun *transformer* telah dinaiktaraf dan 11 pencawang 33 KV telah siap dan 41 lagi masih berada dalam pelbagai peringkat pelaksanaan.

Kerajaan Sarawak juga telah meluluskan peruntukan sebanyak RM575 juta bagi menaik taraf infrastruktur elektrik, infrastruktur bekalan elektrik di Bahagian Samarahan, Bahagian Betong, Lawas, Sungai Asap, Lubok Antu dan Lundu yang akan kita laksanakan dalam Rancangan Malaysia Ketiga Belas. Ianya melibatkan kerja-kerja naik taraf seperti berikut:

- (a) MVCC dari Asajaya ke Sebuyau, Simunjan dan Gedong di Bahagian Samarahan;
- (b) MVCC dari Engkilili ke Nanga Kesit di Bahagian Sri Aman;
- (c) MVCC dari Saratok ke Kabong dan Serudit ke Pusa di Bahagian Betong;
- (d) MVCC dari Murum ke Sungai Asap di Bahagian Bintulu;
- (e) *Monopole* dari Serudit ke Saratok di Bahagian Betong;
- (f) *Monopole* dari Kampung Stenggang ke Lundu di Lundu;
- (g) Pencawang Kampung Stenggang 33/11 kV di Bahagian Kuching;
- (h) Pencawang Kabong/Roban 33/11 kV di Bahagian Betong; dan
- (i) Pencawang Sundar 33/11 kV di Lawas.

Tambahan Penjanaan daripada Tenaga Boleh Diperbaharui
(Additional Generation from Renewable Energy)

Tuan Speaker, beberapa tambahan penjanaan daripada tenaga boleh diperbaharui ataupun *renewable energy* yang berpotensi boleh dibangunkan seperti menggunakan kaedah *Large Scale Solar Farm* dan *Pumped Hydro Energy Storage*. Setakat ini, beberapa syarikat swasta telah mengemukakan cadangan penjanaan daripada tenaga boleh diperbaharui ataupun *renewable energy* dan sedang dalam *feasibility study* di beberapa lokasi seperti di Empangan Bengoh, Empangan Batang Ai, Empangan Bakun dan Empangan Murum.

Manakala untuk *Cascading Power Sources*, dulu dikenali sebagai *Cascading Dam* tapi sekarang kita kenali sebagai *Cascading Power Sources*. Kementerian saya dan Sarawak Energy telah melaksanakan 24 sesi libat urus yang melibatkan komuniti di Sungai Gaat dan di Sungai Tutoh dengan *Upacara Muja Menua* yang telah diadakan di Sungai Gaat pada 4 April yang lalu. Sebenarnya, Tuan Speaker, kementerian saya bersama-sama dengan Sarawak Energy telah mengenal pasti 12 buah lokasi di lembangan Sarawak untuk dibangunkan *Cascading Power Source* dan kita untuk tujuan ini telah menggunakan kerja-kerja *consultation* terutama sekali di Sungai Gaat dan Sungai Tutoh dan inilah yang saya maksudkan tadi bahawa kita membuat libat urus secara langsung yang melibatkan pihak pejabat residen dan daerah, melibatkan wakil-wakil rakyat tempatan, yang melibatkan pemimpin-pemimpin tempatan dan komuniti tempatan; maknanya kita mengambil pendekatan yang telus. We are very transparent about our consultation with the local communities so that we do not face problem in the near future so these are the consultation, *libat urus yang telah kita jalankan sehingga kini*, so hopefully we will start with Sungai Gaat followed by Sungai Tutoh as soon as possible.

Eksport Tenaga Elektrik

Seterusnya saya ingin sentuh tentang eksport tenaga elektrik. Eksport tenaga elektrik merentasi sempadan bagi merealisasikan matlamat Borneo Power Grid (BPG) dan ASEAN Power Grid (APG) akan dipergiatkan untuk meletakkan Sarawak sebagai Battery of ASEAN. Sarawak telah mengeksport lebih kurang 100 MW tenaga elektrik ke Kalimantan Barat Indonesia sejak tahun 2016 dan akan mengeksport tenaga elektrik ke Sabah sebanyak 30 – 50 MW pada suku keempat tahun 2025 tertakluk kepada siapnya *interconnection* di sebelah utara. Di samping itu, Tuan Speaker, kita juga merancang untuk mengeksport tenaga ke Semenanjung Malaysia (tidak kurang daripada 1,000 MW) dan satu lagi ialah kita telah pun bersetuju untuk mengeksport tenaga elektrik kepada

Singapura dengan *capping* tidak melebihi 1,000 MW dan kita juga sedang mempertimbangkan eksport tenaga kepada jiran kita, Brunei Darussalam.

PENGEDARAN GAS

Seterusnya Tuan Speaker, saya ingin menyentuh tentang pengedaran gas. Isu yang paling panas sehingga kini.

Kawal Selia Distribution of Gas Ordinance, 2016 (DGO 2016) di Sarawak

Seperti ahli Dewan yang mulia sedia maklum, Petroleum Sarawak Berhad (PETROS) telah dilantik sebagai *Gas Aggregator* oleh Kerajaan Sarawak melalui Kementerian Utiliti dan Telekomunikasi dengan tugas untuk melaksanakan aktiviti yang berkaitan dengan perolehan, pembekalan, pengedaran dan penjualan gas asli di Sarawak. Gas Aggregator juga bertanggungjawab membuat perancangan, pembangunan, operasi dan penyelenggaraan sistem rangkaian pengedaran gas asli di Sarawak.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga telah mengumumkan seperti yang telah sama-sama kita baca di sidang Parlimen pada 17 Februari 2025 bahawa Kerajaan Persekutuan mengiktiraf pelantikan PETROS sebagai *aggregator* oleh Kerajaan Sarawak di Sarawak. Yang Amat Berhormat Prime Minister and Yang Amat Berhormat Premier have in their Joint Declaration dated 21st May 2025, categorically stated that federal and state laws on Distribution of Gas must be respected by all persons or parties, including PETROS and PETRONAS, undertaking the business of distribution and supply or sale of gas in Sarawak.

In Sarawak, the regulation of gas distribution and related activities falls under the distribution of Gas Ordinance, 2016, which serves as the functional equivalent of the Gas Supply Act, 1993, a federal law that does not apply to Sarawak. Unlike in other parts of Malaysia where the Energy Commission, established under the Energy Commission Act 2001, is the regulatory authority, in Sarawak, such responsibilities are vested in the Director of Gas Distribution appointed under the said Ordinance. The said ordinance refers to DGO 2016.

The Director of Gas Distribution is responsible for ensuring full compliance with licensing requirements and may impose financial penalties for any non-compliance, without prejudice to any prosecution that may be undertaken by the relevant authorities.

My ministry is committed to ensuring that all laws and regulations governing the gas industry in Sarawak are upheld, while maintaining an investor-friendly environment to attract investment. We will ensure that our gas resources are managed sustainably to support industrial growth and remain available at affordable prices for the benefit of all Sarawakians.

At the same time, Tuan Speaker, my Ministry will facilitate collaboration between PETROS and PETRONAS. In pursuing such collaboration, should PETRONAS, as the national oil company, seek exemption from licensing requirements for activities or projects which do not conflict with the role of PETROS as Gas Aggregator i.e. the supply, sale, retail, or distribution of gas, such applications will be considered in accordance with the law. The law means our DGO 2016.

The Joint Declaration acknowledges that PETROS is the Gas Aggregator appointed by the Sarawak Government in the exercise of its executive authority. Both YAB Prime Minister and YAB Premier have expressly stated that PETROS' appointment as Gas Aggregator must be respected by all persons or parties undertaking business of Gas Distribution in Sarawak.

Accordingly, all agreements and arrangements pertaining to the supply and sale of natural gas in Sarawak must align with PETROS' role as Gas Aggregator as stated in the Joint Declaration. All industry players and entities including PETRONAS must conduct their business of gas distribution in full compliance with this Joint Declaration.

Justeru itu, Tuan Speaker, semua pihak yang menjalankan aktiviti yang berkaitan dengan pengagihan dan pembekalan gas perlu memohon lesen di bawah Seksyen 7, *Distribution of Gas Ordinance, 2016 (DGO 2016)*. Kegagalan mematuhi keperluan pelesenan ini adalah satu kesalahan di bawah Seksyen 20 (*criminal case*) atau Seksyen 21A (*civil claim*) Ordinan tersebut yang boleh dikenakan denda atau hukuman penjara atau kedua-duanya sekali.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini juga, sejak pindaan ke atas DGO 2016 pada tahun 2023, Kementerian saya telah melaksanakan beberapa langkah kawal selia seperti berikut:

- (a) Mengeluarkan sejumlah 14 lesen aktiviti 7(g) kepada pemain industri hulu (*upstream*);
- (b) Mengeluarkan 537 lesen kepada pemain industri hiliran (*downstream*); dan
- (c) Mengeluarkan 10 notis ketidakpatuhan kepada lima syarikat yang melakukan aktiviti tanpa lesen di bawah Seksyen 7, DGO 2016.

Sehubungan dengan itu, saya yakin dengan Deklarasi Bersama ini akan memberi manfaat kepada Sarawak dan kepentingan negara dalam usaha untuk memperkukuh keyakinan para pelabur khususnya syarikat-syarikat antarabangsa di sektor pengedaran gas.

Sarawak Gas Roadmap (Sgr)

Sekarang Tuan Speaker, saya ingin menyentuh tentang Sarawak Gas Roadmap. Kementerian saya, melalui PETROS, giat menjalankan usaha berterusan bagi meningkatkan penggunaan gas asli di Sarawak selaras dengan Sarawak Gas Roadmap. Pelan Sarawak Gas Roadmap ini merangkumi empat hab strategik iaitu di Miri, Samalaju, Bintulu dan Kuching melalui beberapa inisiatif awal seperti berikut:

- (a) Projek 500 MW Combined Cycle Power Plant (CCPP) di Miri yang telah dilancarkan pada tahun lepas dan kini sedang giat dilaksanakan;
- (b) Projek Bintulu - Samalaju Gas Pipeline sepanjang 65 km yang kini sedang dibina;
- (c) Projek Perintis PETROS iaitu Sarawak Virtual Pipeline System (VPS) yang akan membekalkan Gas Asli Cecair (LNG) dari Bintulu ke Kuching;
- (d) Projek Kuching Low-Carbon Hub kini dalam peringkat penyediaan pelan induk;
- (e) Program Gas Direct to the Kitchen di Taman Ceria di Permyjaya, Miri; dan
- (f) Projek Rangkaian Saluran Paip Gas Asli di Bintulu yang akan dibina secara berfasa.

Kewujudan loji metanol yang pertama milik Sarawak iaitu Sarawak Petchem Sdn. Bhd. telah berjaya meningkatkan kegunaan domestik gas asli daripada 6% kepada 7% setakat suku keempat tahun 2024.

Dengan peningkatan penggunaan domestik gas asli ini, hanya 100% Tuan Speaker, loji ini mampu menyediakan peluang pekerjaan kepada 1,000 orang anak Sarawak sejak ditubuhkan. Ini baru 1%, baru 1% yang melibatkan pembinaan Sarawak Petchem, yang menghasilkan methanol, kita sudah dapat dan mampu menyediakan peluang pekerjaan, 1,000 peluang pekerjaan jadi impaknya begitu besar sekali dan ini juga membuktikan Sarawak mempunyai kepakaran dalam projek *financing*, pengurusan projek berskala besar dan operasi teknologi tinggi industri petrokimia, minyak dan gas.

Jadi ini bertentangan dengan *perception* pihak-pihak tertentu yang mengatakan bahawa Sarawak tidak mempunyai kapasiti. Kalau diberi peluang untuk menjadi *obligator*, peluang untuk membuka industri hiliran, Sarawak tidak mempunyai kapasiti, tidak mempunyai tenaga teknikal yang boleh melaksanakan projek ini. Ini persepsi daripada sesetengah pihak tetapi penubuhan Petchem Sdn. Bhd. telah menyangkal dan membuktikan bahawa Sarawak boleh menggunakan gas asli dengan jayanya. So, we are capable, and we are capable of doing it.

Inisiatif ini merupakan sebahagian daripada pelan *Sarawak Gas Roadmap (SGR)* yang bertujuan untuk meningkatkan penggunaan gas domestik sedia ada kepada sekurang-kurangnya

30% menjelang tahun 2030. So our target, Tuan Speaker, is to increase our natural gas consumption by at least 50% by the year 2030.

Jaminan Bekalan LPG yang Mencukupi di Sarawak

Sekarang saya ingin menyentuh tentang jaminan bekalan LPG yang mencukupi di Sarawak. Susulan daripada kejadian tanah runtuh di loji pengisian silinder *Liquefied Petroleum Gas* (LPG) di Bintulu pada 29 Januari 2025, Kerajaan Sarawak melalui anak syarikat PETROSNiaga telah mengambil tindakan segera bagi meningkatkan jumlah LPG di IOT Senari dan loji pengisian sementara silinder LPG Bintulu kepada 30,000 silinder sehari. Kini bekalan silinder LPG di Sarawak telah pulih seperti sediakala. Jadi semasa tanah runtuh berlaku di Bintulu pada tarikh yang saya sebutkan tadi, kita tidak boleh membekalkan LPG yang mencukupi di bahagian utara. Jadi oleh itulah, tindakan segera telah kita ambil, memang kita dengar ada suara-suara sumbang yang membuat kritikan tetapi apabila *everything is back to normal, I don't hear any thank you to PETROS or PETROSNiaga, they only know how to criticize.*

So, dealing with this buckling is very, very, very delicate Tuan Speaker. It is not that simple and not that easy as we perceive. *So, we hope in case such incident in the future, we will try to make sure it doesn't happen but, in this case,* ianya banyak bergantung kepada keadaan yang berlaku ketika itu *because this is a natural disaster beyond our control.* Bayangkan kalau kita lihat gambar tadi, di atas ada tangki *reserver* yang besar dan di bawah itulah tempat *bottling plant* di mana pengisian gas dilakukan dan ianya amat berbahaya untuk diteruskan. Jadi oleh itulah, maka berlaku kekurangan ataupun *shortage* pada ketika masa tersebut. Namun Alhamdulillah, semuanya *is back to normal right now.*

Inisiatif Pensijilan ISO 29001 (Quality Management for Petroleum, Petrochemical and Natural Gas Industries)

Untuk memastikan keselamatan dan kualiti operasi sektor gas diurus mengikut *standard* antarabangsa, kementerian saya telah mewajibkan pemain industri gas utama di Sarawak perlu memperoleh pensijilan ISO 29001 untuk permohonan baharu dan untuk pembaharuan lesen bermula pada tahun 2026. So, this is the condition that we are setting, they must have ISO 29001 for any new application and any renewal of licence. So, we have to be strict on this because this is international standards to ensure safety in the near future.

TELEKOMUNIKASI

Liputan Telekomunikasi di Sarawak

Seterusnya Tuan Speaker, saya ingin menyentuh tentang kemudahan telekomunikasi. Setakat ini, Sarawak mempunyai 4,662 struktur menara (termasuk struktur telekomunikasi di atas bangunan) telah siap dibina berbanding 4,581 menara seperti yang dilaporkan pada sesi persidangan DUN November 2024 yang lepas. Daripada jumlah yang telah siap dibina tersebut, sebanyak 4,446 bersamaan dengan 95% menara telah *on-air* (ke udara) manakala bakinya sebanyak 216 bersamaan dengan 5% menara akan beroperasi secara berperingkat sehingga hujung tahun 2025 ini. Setakat ini, liputan perkhidmatan internet telah meningkat kepada 90.2% berbanding dengan 84.8% seperti yang dilaporkan pada persidangan DUN yang lepas.

Sarawak Linking Urban, Rural and Nation (SALURAN)

Sekarang saya menyentuh tentang *Sarawak Linking Urban, Rural and Nation*, ringkas nya SALURAN. Sehingga kini, Kerajaan Sarawak telah memperuntukkan sebanyak RM2.3 bilion sebagai langkah intervensi bagi mempercepatkan peluasan liputan internet di luar bandar di bawah inisiatif *Sarawak Linking Urban, Rural and Nation*, ringkas nya SALURAN. Namun komponen utama SALURAN adalah pembinaan menara SMART (*Sarawak Multimedia Authority Rural Telecommunication*) yang masih dilaksanakan pada masa kini.

Sebanyak 585 bersamaan dengan 94.6% daripada 618 menara telekomunikasi SMART telah siap dibina sehingga kini. Saya juga ingin nak maklumkan di sini daripada 618 menara yang dibina, 18 menara adalah *repeaters*. Jadi jangan hairan kalau Ahli-ahli Yang Berhormat menyaksikan ada 18 menara yang tidak ada kualiti. *These are repeaters* untuk *transmit the*, apa nama, *from tower to tower*. Jadi dia memang tak ada kualiti. So, these are repeaters but the rest 600 will be installed with multi operated for network. Daripada jumlah menara yang siap, 480 bersamaan dengan 82% menara SMART telah beroperasi manakala bakinya akan beroperasi sepenuhnya secara berperingkat sehingga suku keempat tahun 2025.

Perkembangan Inisiatif Jalinan Digital Negara (JENDELA)

Menyentuh mengenai JENDELA (Jalinan Digital Negara) di bawah Kerajaan Persekutuan, yang dilaksanakan oleh MCMC, sebanyak 906 bersamaan dengan 99.6% daripada 909 menara telekomunikasi telah siap dibina di bawah inisiatif JENDELA Fasa 1. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 795 bersamaan 87.4% menara telah beroperasi dengan perkhidmatan 4G dan bakinya akan beroperasi sepenuhnya secara berperingkat sehingga suku keempat tahun 2025.
